NORANI MANIRAN & SATU LAGI A

lwn.

MAYBAN GENERAL ASSURANCE BHD

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, MUAR B
AHMAD NASFY YASIN PK
[RAYUAN SIVIL NO: 12(B)-61-2011]
7 JUN 2012

INSURANS: *Insurans kemalangan - Tindakan mendapatkan balik - Penafian oleh penanggung insurans - Pengambil insurans/si mati tidak membayar premium terakhir sebelum kematian - Tuntutan pampasan oleh ibu bapa si mati - Polisi tidak menyatakan syarat-syarat material - Prinsip contra proferentum - Sama ada kontrak insurans tamat selepas kematian si mati - Sama ada responden boleh menafikan liabiliti* C D

KONTRAK: *Penamatan - Notis penamatan - Insurans - Pengambil insurans/si mati tidak membayar premium terakhir sebelum kematian - Tuntutan pampasan oleh ibu bapa si mati - Sama ada kontrak insurans tamat selepas kematian si mati - Sama ada responden mempunyai budi bicara untuk mengeluarkan notis penamatan* E

Di Mahkamah Sesyen, perayu-perayu ('plaintif-plaintif') telah menuntut bayaran pampasan berjumlah RM102,000 daripada responden ('defendan') di bawah suatu polisi insurans ('polisi tersebut'). Plaintif-plaintif merupakan ibu bapa kepada si mati yang F ketika hayatnya, telah membeli polisi insurans bagi perlindungan kemalangan peribadi dan hilang upaya daripada defendan. Jumlah premium bulanan sejumlah RM19.90 akan ditolak daripada akaun pengambil insurans pada 7 haribulan setiap bulan. Dua bayaran premium telah ditolak dan pada 7 Julai 2007, baki akaun bank si G mati tidak mencukupi untuk mendebitkan bayaran premium. Pada 16 Julai 2007, si mati meninggal dunia akibat kemalangan jalan raya. Defendan telah memaklumkan si mati melalui surat bertarikh 18 Julai 2007 bahawa beliau perlu membayar premium yang tertunggak. Pada 10 September 2007, plaintif-plaintif memaklumkan H kepada defendan bahawa si mati telah meninggal dunia dan membuat tuntutan di bawah polisi tersebut. Namun begitu, defendan menafikan tanggungan liabiliti atas alasan bahawa premium tersebut tidak berbayar selepas 6 Julai 2007 iaitu sebelum 16 Julai 2007 kerana ia terangkum di bawah penamatan automatik I di bawah fasal 3 polisi tersebut. Defendan berhujah bahawa kontrak insurans telah tamat pada tarikh kematian si mati.

A Sebaliknya, plaintif-plaintif berhujah bahawa polisi insurans berakhir pada 5 Ogos 2007 kerana tarikh efektif bermula dari tarikh pembayaran pertama. Dihujahkan lagi bahawa perkataan 'may' dalam fasal 3 polisi memberikan defendan budi bicara untuk memutuskan sama ada hendak mengeluarkan notis penamatan atau
B tidak. Plaintif-plaintif membangkitkan prinsip *contra proferentum* dan menghujahkan bahawa syarat-syarat material tidak dinyatakan dalam polisi. Tuntutan plaintif-plaintif telah ditolak di Mahkamah Sesyen. Oleh itu, rayuan ini. Isu-isu yang timbul dalam rayuan ini adalah berkenaan (i) tafsiran perkataan 'may' dalam fasal 3 di
C bawah polisi insurans; (ii) keterpakaian klausa penamatan kontrak; dan (iii) sama ada prinsip *contra proferentum* terpakai.

Diputuskan (menolak rayuan dengan kos; mengekalkan keputusan Mahkamah Sesyen):

D **(1)** Penolakan liabiliti untuk membayar pampasan yang dituntut oleh plaintif-plaintif adalah berasaskan kepada fasal 3 yang jelas memberikan defendan budi bicara sama ada hendak mengeluarkan notis penamatan insurans atau tidak untuk menamatkan polisi tersebut. Terma-terma kontrak polisi perlu
E dibaca secara keseluruhan dan bersama untuk memahami maksud polisi tersebut. (perenggan 26)

(2) Tindakan pengeluaran notis penamatan bukanlah suatu yang wajib kerana polisi tersebut merupakan polisi yang dilanjutkan
F pada asas bulanan di mana ia akan ditamatkan secara automatik sekiranya premium untuk perlindungan bulanan berkaitan tidak dijelaskan. (perenggan 26)

(3) Polisi tersebut tidak berkuatkuasa pada tarikh kematian si mati.
G Ini adalah kerana niat nyata defendan terkandung dalam terma-terma dan syarat-syarat yang ditafsir secara bersama. Kegagalan si mati untuk membayar premium bagi tempoh perlindungan insurans merupakan 'total failure of consideration' kepada kontrak insurans untuk penguatkuasaan perlindungan polisi.
H Dengan itu, tidak terdapat kontrak insurans yang sah dan berkuatkuasa pada tarikh kematian si mati. (perenggan 29)

Kes-kes yang dirujuk:

Bond Air Services LD v. Hill [1955] (2) Q B417 ***(dirujuk)***

Chong Kok Hwa v. Taisho Marine & Fire Insurance Co Ltd [1975] 1 LNS
I *14 HC* ***(dirujuk)***

Kazakstan Wool Processors (Europe) Ltd v. Nederlandsche Credietverzekering Maatschappij NV [2000] Lloyds Law Report 371 ***(dirujuk)***

Malaysia National Insurance Sdn Bhd v. Malaysia Rubber Development Corp [1986] 2 CLJ 285; [1986] CLJ (Rep) 185 SC ***(dirujuk)***
Pelling v. Families Need Fathers Ltd [2002] All ER 440 ***(dirujuk)***
State Government of Perak v. Muniandy [1985] 1 LNS 117 SC ***(dirujuk)***
Teck Liong (EM) Sdn Bhd v. Hong Leong Assurance Sdn Bhd [2001] 7 CLJ 457 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Evidence Act 1950, ss. 101, 102
Rules of the High Court 1980, O. 14 r. 13(1)

Sumber-sumber yang dirujuk:
Strouds Judicial Dictionary of Words and Phrases, 7th edn, vol 2, p 1644

Bagi pihak perayu - T/n Rugber Singh & Partners
Bagi pihak responden - Patricia Boo Chiao Yin; T/n Azim Tunku Farik & Wong

Dilaporkan oleh Najib Tamby

PENGHAKIMAN

Ahmad Nasfy Yasin PK:

Rayuan

[1] Dalam perbicaraan penuh Hakim Mahkamah Sesyen Batu Pahat ("Puan HMS") telah menolak tuntutan perayu-perayu/plaintif-plaintif dengan kos. Tidak berpuas hati terhadap keputusan tersebut, perayu-perayu/plaintif-plaintif memfailkan rayuan ke Mahkamah Tinggi.

[2] Setelah meneliti nota keterangan, alasan penghakiman, petisyen rayuan dan hujahan bertulis yang difailkan oleh kedua-dua pihak, mahkamah menolak rayuan perayu-perayu/plaintif-plaintif dengan kos dipersetujui sebanyak RM2,000. Perayu-perayu/plaintif-plaintif tidak berpuas hati dan memfailkan rayuan ke Mahkamah Rayuan.

[3] Bagi maksud rayuan ini, perayu-perayu/plaintif-plaintif dan responden/defendan masing-masing akan dirujuk sebagai plaintif-plaintif dan defendan.

Fakta Kes

[4] Dalam kes ini, plaintif pertama dan kedua, masing-masing ialah bapa dan ibu kepada Mohd Faizal bin Norani (si mati). Plaintif pertama dan kedua sebagai waris yang sah kepada si mati

membawa tindakan ini untuk menuntut bayaran pampasan sejumlah RM102,000 daripada defendan di bawah satu polisi insuran Premier PA Plus No. Q 1090663 (Polisi tersebut) (eks. P1).

[5] Semasa hayatnya, Mohd Faizal bin Norani telah membeli polisi tersebut bertarikh 7 Mei 2007, bagi pelindungan kemalangan peribadi dan hilang upaya (personal accident and disability), daripada defendan sebagai penanggung insurans. Pada atau selepas 7 haribulan tiap-tiap bulan berikut, jumlah premium bulanan sejumlah RM19.90 ditolak daripada akaun simpanan milik pengambil insurans/si mati dengan Maybank.

[6] Buku akaun si mati (eks. P3) menunjukkan bahawa pada 5 Jun 2007, sejumlah dua bayaran premium insurans telah didebitkan dari akaun si mati dan dikreditkan ke dalam akaun penanggung insurans/defendan. Baki dalam akaun si mati pada 30 Jun 2007 ialah RM10.08 dan baki tidak cukup untuk debit bayaran premium insurans si mati bagi bulan berikutnya. Tarikh premium bulanan berikut yang perlu dibayar ialah pada atau selepas 7 Julai 2007 tetapi malangnya, pada 16 Julai 2007 iaitu sepuluh hari selepas premium perlu dibayar, si mati telah meninggal dunia dalam kemalangan jalan raya di Batu Pahat. Oleh itu, semasa hayatnya si mati telah gagal membuat bayaran premium bulanan bagi melanjutkan keesahan polisi tersebut.

[7] Selepas dua hari si mati meninggal dunia, penanggung insurans/defendan mengeluarkan sepucuk surat bertarikh 18 Julai 2007 di mana penanggung insurans/defendan memaklumkan pengambil insurans/si mati bahawa bayaran premium polisi tersebut telah tertunggak dan memaklumkan si mati untuk membayar kesemua premium dan faedah yang tertunggak. Kedua-dua plaintif tidak memaklumkan penanggung insurans/defendan tentang kematian si mati mengikut tempoh yang ditetapkan dalam polisi tersebut. Lebih kurang dua bulan kemudian, pada 10 September 2007 kedua-dua plaintif mengemukakan satu borang tuntutan di bawah polisi tersebut terhadap defendan.

[8] Melalui sepucuk surat yang bertarikh 11 September 2007 (eks. D6) defendan memberitahu kepada kedua-dua plaintif bahawa ia menafikan liabiliti kerana menganggap polisi tersebut telah tamat sah lakunya kerana premium polisi tersebut tidak berbayar selepas tempoh 6 Julai 2007 sebelum tarikh kematian si mati pada 16 Julai 2007 dan oleh itu terangkum di bawah peruntukan penamatan automatik polisi tersebut.

[9] Defendan telah menolak tuntutan kedua-dua plaintif atas alasan bahawa pada tarikh kematian si mati pada 16 Julai 2007, tidak ada perlindungan di bawah polisi tersebut kerana polisi tersebut ditamatkan secara automatik pada 7 Julai 2007 akibat kegagalan si mati semasa hayatnya untuk membayar premium yang perlu dibayar selepas 6 Julai 2007 bagi melanjutkan keesahan polisi tersebut.

Isu-Isu

[10] Isu-isu yang dibangkitkan adalah seperti berikut:

(i) Penafsiran fasal 3 dalam terma-terma polisi insurans keutamaannya perkataan 'may';

(ii) Sama ada klausa penamatan kontrak terpakai;

(iii) Sama ada prinsip '*contra proferentum* rule' terpakai;

Hujah-Hujah

[11] Peguamcara plaintif berhujah bahawa walaupun ss. 101 dan 102 Akta Keterangan 1950 memperuntukkan beban pembuktian adalah ke atas plaintif, akan tetapi dalam kes melibatkan kemungkiran syarat dan terma polisi insurans, beban pembuktian akan jatuh ke atas defendan (pihak insurans) untuk membuktikan ketidakpatuhan kemungkiran tersebut. (Rujuk kes *Bond Air Services LD v. Hill* [1955] (2) Q B417, *Malaysia National Insurance Sdn Bhd v. Malaysia Rubber Development Corp* [1986] 2 CLJ 285; [1986] CLJ (Rep) 185).

[12] Di bawah kolum "Termination of Insurance", fasal 3 menyatakan:

> Subject to the provisions of this policy, we may give notice of termination hereof by registered post to the Policyholder at his or her last known address. Such termination shall become effective not more than fourteen (14) days following the date of such notice.

[13] Menurut defendan, polisi insurans tersebut telah luput pada 7 Julai 2007. Selaras dengan klausa penamatan di atas defendan seharusnya menghantar notis penamatan kepada pemegang polisi untuk kemungkiran yang dikatakan oleh defendan. Defendan gagal untuk memgemukakan apa-apa bukti atau dokumen untuk menunjukkan bahawa notis penamatan tersebut telah dihantar kepada pemegang polisi.

[14] Peguamcara plaintif berhujah bahawa polisi insurans hanya efektif pada tarikh bayaran pertama premium dibuat (5 Jun 2007) dan bukannya bermula dari tarikh jadual polisi insurans dikeluarkan iaitu pada 7 Mei 2007. Fakta ini disetujui oleh SD1 dalam pemeriksaan balas di ms. 58 (RR) dan termaktub di bawah klausa payment of premium (applicable to monthly premium). (ms. 77 RR).

[15] Berdasarkan hujahan di atas maka tarikh efektif bermula daripada tarikh pembayaran pertama yang dibuat oleh si mati iaitu pada 5 Jun 2007 dan berakhir pada 5 Ogos 2007 (untuk dua bulan). Si mati meninggal pada 16 Julai 2007, maka semasa kematiannya polisi insurans ini masih hidup dan sah.

[16] Seterusnya, syarat-syarat material tidak dinyatakan dalam polisi insurans contohnya apakah kedudukan polisi jika pemegang polisi meninggal dunia akibat kemalangan dalam tempoh 30 hari tanpa bayaran premium bulanan pertama. Klausa-klausa di bawah "payment of premium" dan "non-payment of premium" tersebut adalah kabur (vague and ambiguous). Dalam erti kata lain bila keadaan ini berlaku, plaintif-plaintif boleh bersandarkan kepada "*contra proferentum* rule" di mana manfaat sepatutnya diberikan kepada plaintif-plaintif.

[17] Peguamcara defendan berhujah bahawa pada tarikh kematian si mati (iaitu pada 16 Julai 2007) kontrak insurans telah tamat dan tidak berkuatkuasa. Plaintif-plaintif telah gagal membuktikan atas imbangan kebarangkalian bahawa satu kontrak insurans (eks. P1 dan D4) adalah sah dan berkuatkuasa di antara si mati dan defendan pada tarikh kematian si mati . Pihak-pihak yang memasuki kontrak polisi insurans hendaklah mematuhi terma-terma yang ditetapkan di bawah polisi terutamanya mengenai keperluan memenuhi pra syarat sebelum apa-apa pembayaran pampasan perlindungan atas kemalangan peribadi dan hilang upaya boleh dibuat oleh penanggung insurans. (Rujuk kes *Teck Liong (EM) Sdn Bhd v. Hong Leong Assurance Sdn Bhd* [2001] 7 CLJ 457).

[18] Adalah jelas bahawa terma-terma dan syarat-syarat material yang telah diperuntukkan di dalam eks. P1, *inter alia*, adalah seperti berikut:

> "Personal Accident and Disability Policy"
>
> 3. **Provided** that you pay the premium and we agree to accept it, we will provide the insurance **in the terms set out in this Policy.**

4. The conditions which appear in the Policy or in any Endorsement are part of the contract and must be complied with. Failure to comply mean (sic) that **you will not be able to claim** under the Policy.

[19] Syarat-syarat (3) dan (4) yang dinyatakan di atas adalah "condition precedent" kepada liabiliti defendan di bawah polisi tersebut. Perkataan-perkataan "must be complied with" membawa maksud jelas bahawa syarat-syarat dan terma-terma polisi merupakan sebahagian daripada kontrak insurans tersebut adalah wajib dipatuhi oleh si mati dan plaintif. Plaintif secara penuh dan ketat ("strict compliance").

[20] Kegagalan si mati untuk mematuhi syarat-syarat dan terma-terma tersebut secara penuh dan ketat menyebabkan plaintif-plaintif tidak boleh membuat sebarang tuntutan di bawah polisi tersebut. (Rujuk kes *Chong Kok Hwa v. Taisho Marine & Fire Insurance Co Ltd* [1975] 1 LNS 14). Justeru segala manfaat di bawah eks. P1 dan D4 akan dilucutkan sekiranya terma-terma dan syarat-syarat tersebut tidak dipatuhi secara penuh dan ketat.

[21] Seterusnya perkataan "may" dalam fasal 3 polisi memberikan budi bicara kepada defendan sama ada hendak mengeluarkan notis penamatan insurans atau tiada. Oleh itu pengeluaran notis penamatan bukanlah suatu yang wajib dikeluarkan kepada plaintif kerana polisi tersebut merupakan polisi yang dilanjutkan pada dasar bulanan di mana polisi itu akan ditamatkan secara automatik sekiranya premium untuk perlindungan bulan yang berkaitan tidak diberi.

[22] Peguamcara defendan berhujah bahawa tempoh insurans bermula adalah dari tarikh berkuatkuasa pada 7 Mei 2007 sepertimana yang dinyatakan di dalam "Jadual Polisi" (eks. D4) dan prinsip "*contra proferentum*" adalah tidak sesuai dan tidak terpakai dalam kes ini.

[23] Pihak plaintif-plaintif telah membangkitkan isu pengenepian (waiver) mengenai keperluan untuk memberikan notis penamatan tetapi telah tidak diplidkan secara spesifik dalam pernyataan tuntutan (ms. 3 – 10 RR). Ini adalah bertentangan dengan A. 14 k. 13(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980. (rujuk kes *Chong Kon Hwa v. Taisho Marine & Fire Insurance Co Ltd (Supra)*, *State Government of Perak v. Muniandy* [1985] 1 LNS 117).

A **Keputusan Mahkamah**

[24] Dalam kes ini Puan HMS telah menimbang semua isu yang dibangkitkan oleh peguamcara plaintif apabila memutuskan untuk menolak tuntutan plaintif dengan kos.

B **[25]** Adalah menjadi prinsip am, bahawa Mahkamah Rayuan tidak akan masuk campur dalam dapatan fakta yang dibuat oleh hakim perbicaraan kecuali jika terdapat pelanggaran undang-undang yang nyata atau kegagalan membuat penilaian kehakiman ke atas keterangan saksi-saksi.

C **[26]** Puan HMS telah memberi penekanan kepada isu asas rayuan ini berkaitan pemakaian fasal penamatan di bawah fasal 3 polisi tersebut. Mahkamah ini bersetuju dengan pendapat Puan HMS mengenai tafsiran perkataan "may" dalam fasal 3 yang D memperuntukkan tentang penamatan automatik di bawah polisi tersebut. Penolakan liabiliti defendan untuk membayar pampasan yang dituntut oleh kedua-dua plaintif adalah berasaskan kepada fasal 3 yang jelas memberikan defendan budi bicara sama ada hendak mengeluarkan notis penamatan insurans atau tidak untuk E menamatkan polisi tersebut. Pada pendapat mahkamah terma-terma kontrak polisi tersebut perlulah dibaca secara keseluruhan dan bersama untuk memahami maksud polisi tersebut. Setelah membaca bersama-sama sub fasal 3(b) polisi tersebut, adalah jelas bahawa tindakan pengeluaran notis penamatan bukanlah suatu yang wajib F kerana polisi tersebut merupakan polisi yang dilanjutkan pada asas bulanan dimana polisi itu akan ditamatkan secara automatik sekiranya premium untuk perlindungan bulanan berkaitan tidak dijelaskan.

G **[27]** Definasi "may" telah dinyatakan dalam *Strouds Judicial Dictionary of Words and Phrases* (7th edn.) vol. 2 di ms. 1644 seperti berikut:

> … a plain conclusion that 'may', "it shall be lawful" it shall any may be lawful; "empowered" … and such like phrases, gave in H their ordinary meaning, an enabling and discretionary power …

Seterusnya di dalam kes *Pelling v. Families Need Fathers Ltd* [2002] A11 ER 440 "Court of Appeal" telah memutuskan di ms. 446 bahawa:

I

> … In its ordinary and natural meaning the words 'may' is apt to confer a discretion or power.

[28] Mahkamah berpendapat bahawa Puan HMS adalah betul dalam memutuskan fasal 3, 3(a) dan 3(b) polisi tersebut boleh dibaca secara harmoni memandangkan fasal 3 bukan suatu peruntukan samar-samar.

[29] Mahkamah juga berpendapat bahawa penemuan fakta oleh Puan HMS adalah betul apabila memutuskan bahawa polisi tersebut tidak berkuatkuasa pada tarikh kematian si mati iaitu pada 16 Julai 2007. Ini kerana niat nyata defendan terkandung dalam terma-terma dan syarat-syarat. Ekshibit P1 dan D4 jika ditafsirkan secara bersesama dan keseluruhan akan membawa maksud seperti berikut:

(i) Kontrak insurans antara si mati dengan defendan di bawah eks. P-1 dan D-4 merupakan kontrak insurans bulanan di mana tiada tarikh luput ("expiry date") dinyatakan pada eks. D-4 kerana eks. P-1 melibatkan bayaran premium bulanan sebanyak RM19.90 dan hanya sah untuk satu bulan sahaja. (Sekiranya premium bulanan pertama dibayar) dan boleh diperbaharui atau dilanjutkan pada dasar bulanan sekiranya premium-premium bulanan yang selanjutnya dibayar;

(ii) Di mana satu atau lebih bayaran premium telah dijelaskan tetapi premium yang berikutnya tidak dibayar, perlindungan di bawah eks. P-1 dan D-4 akan ditamatkan berkuatkuasa secara automatik dari tarikh premium yang tidak dibayar;

(iii) Terma-terma dan syarat-syarat yang diperuntukkan di dalam eks. P1 dan D4 (terutamanya berkaitan dengan pembayaran premium oleh si mati dalam kes ini) merupakan syarat terdahulu ('Condition precedent') kontrak insurans dan wajib dipatuhi dengan ketat oleh si mati;

dan

(iv) Kegagalan si mati untuk mematuhi secara penuh dan ketat terma-terma dan syarat-syarat tersebut bermaksud si mati dan seterusnya kedua-dua plaintif tidak layak membuat tuntutan terhadap defendan di bawah kontrak polisi insurans tersebut.

[30] Mahkamah berpendapat, kegagalan si mati untuk membayar premium untuk tempoh perlindungan insurans selepas 6 Julai 2007 merupakan "total failure of consideration" kepada kontrak insurans untuk penguatkuasaan perlindungan polisi untuk tempoh dari

A 7 Julai 2007 sehingga 6 Ogos 2007. Dengan itu tidak terdapat kontrak insurans yang sah dan berkuatkuasa pada tarikh kematian si mati pada 16 Julai 2007. Dalam kes *Kazakstan Wool Processors (Europe) Ltd v. Nederlandsche Credietverzekering Maatschappij NV* [2000] Lloyds Law Report 371 peruntukan di bawah art. 13 di
B bawah satu polisi "credit insurance" memperuntukkan *inter alia*, bahawa:

> 1. Due payment of all premiums (and other charges) … and the due performance and observation of every stipulation in the policy or the proposal, shall be conditions precedent to any
C liability on our part
>
> **Premium is payable in relation to each contract** to which the policy applies … payment of this premium must be made at the times we specify. Declarations were to be submitted by the 10th day of the month following the months of the
D dispatch of goods.

Kesimpulan

[31] Berdasarkan alasan-alasan di atas, mahkamah memutuskan
E bahawa dapatan fakta Puan HMS adalah betul dan keputusannya dikekalkan. Oleh itu rayuan ditolak dengan kos sebanyak RM2,000.

F

G

H

I